

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 28 MAC 2016 (SELASA)

SOALAN:

YB TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang kuasa dan tanggungjawab setiap Jabatan Perhutanan Negeri :-

- (a) adakah ia perlu mendapat kelulusan dari Kementerian untuk menawarkan projek Tanaman Pelbagai Spesis ; dan
- (b) adakah projek Tanaman Pelbagai Spesies ini juga terlibat dengan pembalakan di tapak berkenaan

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Tanah Negara (MTN) pada tahun 2012 telah meluluskan seluas 439,189 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai Zon Pembangunan Ladang Hutan di Semenanjung Malaysia yang melibatkan perkara-perkara berikut:

- i. Ladang hutan yang mencukupi ditubuhkan di seluruh negara untuk menampung bekalan kayu;
- ii. Ladang hutan dari spesies-spesies cepat tumbesaran dan spesies-spesies bermutu tinggi ditubuhkan di kawasan yang sesuai; dan
- iii. Pihak swasta digalakkan untuk melabur dalam penubuhan dan pembangunan ladang hutan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses kelulusan untuk menawarkan projek penubuhan ladang hutan di negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan.

Pembalakan yang diluluskan dalam kawasan Zon Pembangunan Ladang Hutan adalah bertujuan untuk pembersihan dan penyediaan tapak tanaman spesies ladang hutan.

Sekian, terima kasih.